

TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : AGROBANK LANCAR SKIM PEMBIAYAAN MUDAH BAGI GRADUAN TVET

SUMBER : BERNAMA - 1 SEPTEMBER 2026

Agrobank Lancar Skim Pembiayaan Mudah Bagi Graduan TVET

🕒 01/09/2026 07:05 PM



Kredit: Agrobank

SERDANG, 1 Sept (Bernama) -- Agrobank hari ini melancarkan Skim Pembiayaan Mudah bagi Graduan TVET untuk menyokong graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), yang ingin menceburi bidang keusahawanan sebaik menamatkan pengajian.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu melancarkan Skim Pembiayaan Graduan TVET bersempena dengan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 di sini hari ini.

Turut diadakan ialah majlis penandatanganan kolaborasi strategik Agrobank bersama Persatuan Industri Bersepadu Komuniti dan Swasta Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik Peringkat Kebangsaan (PIBKS KVSMT Kebangsaan).

Agrobank dalam kenyataan hari ini memaklumkan melalui skim pembiayaan itu, graduan TVET yang layak boleh mendapatkan pembiayaan antara RM1,000 hingga RM5,000 dengan tempoh pembiayaan sehingga lima tahun pada kadar 4.75 peratus setahun.

"Pembiayaan ini boleh digunakan bagi pembelian peralatan, mesin, perkakasan serta keperluan lain yang berkaitan bagi memulakan atau mengembangkan aktiviti perniagaan dalam bidang berkaitan," menurut kenyataan itu.

Skim Pembiayaan Mudah Graduan TVET, dibuka kepada rakyat Malaysia berumur antara 18 hingga 35 tahun yang memiliki diploma, ijazah atau sijil daripada institusi teknikal dan vokasional yang dikitraf di Malaysia.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : AGROBANK LANCAR SKIM PEMBIAYAAN MUDAH BAGI GRADUAN TVET

SUMBER : BERNAMA - 1 SEPTEMBER 2026

"Kempen ini akan berlangsung mulai September 2026 hingga Ogos 2027 atau sehingga peruntukan RM10 juta digunakan sepenuhnya mengikut mana-mana yang terdahulu," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan Agrobank itu, antara kelebihan utama yang ditawarkan ialah proses permohonan pembiayaan yang dipermudah, iaitu tidak memerlukan tempoh pengalaman bekerja atau tempoh minimum operasi perniagaan, pengecualian bagi penyerahan dokumen pendapatan serta tiada cagaran diperlukan bagi permohonan pembiayaan.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata kolaborasi tersebut, mencerminkan komitmen Agrobank untuk memperluas sokongan kepada golongan muda, khususnya graduan TVET yang mempunyai kemahiran teknikal dan potensi untuk membina perniagaan sendiri.

"Graduan TVET memiliki kemahiran praktikal dan teknikal yang sangat relevan dengan keperluan industri. Namun, kekangan modal permulaan sering menjadi antara cabaran untuk mereka menterjemahkan kemahiran tersebut kepada peluang perniagaan," katanya dalam kenyataan sama.

Skim Pembiayaan Graduan TVET ditawarkan kepada pemohon yang terawal, tertakluk kepada kesediaan dana dan juga syarat-syarat Agrobank.

Mengenai kolaborasi strategik, Agrobank dan PIBKS KVSMT Kebangsaan akan bekerjasama memperluas capaian kepada graduan TVET di seluruh negara, meningkatkan kesedaran mengenai kemudahan pembiayaan yang tersedia, serta menyokong pembangunan lebih ramai usahawan muda berkemahiran.

"Inisiatif ini turut memperkuat peranan Agrobank dalam menyokong pembangunan bakat dan keusahawanan generasi muda melalui akses pembiayaan yang bersesuaian dengan keperluan mereka," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA